



# KEMPEN PRAPASKA 2024

"MARI, IKUTILAH AKU!"

Disediakan oleh *Archdiocesan Catechetical Centre*  
Keuskupan Agung Kuala Lumpur

## PENGENALAN

Hari Rabu Abu, yang jatuh pada 14 Februari 2024, menandakan permulaan musim Prapaska, yang merupakan masa persediaan rohani dan disiplin yang intensif dalam Gereja Katolik. Sepanjang musim ini, Gereja menyeru kita untuk bertaubat melalui 3 amalan Prapaska: berpuasa, berdoa, dan bersedekah. Apakah maksud bertaubat dan apa kaitannya dengan ketiga-tiga amalan ini? Mari kita belajar dan merenungkannya bersama-sama.

## CERITA LAMA YANG SAMA...

Apabila Gereja kembali pada musim liturgi Prapaska, kita mungkin bertanya-tanya apakah terdapat sebarang makna dalam amalan-amalan yang kita ulangi hampir saban tahun ini, setiap kali kita mendengar seruan untuk berpuasa, berdoa, dan bersedekah. Mengapa amalan-amalan ini penting, dan mengapa semasa Prapaska?



Sama seperti masa Natal dan Tahun Baru yang menandakan perjalanan waktu bagi kita, Prapaska adalah masa yang mengingatkan kita akan panggilan untuk semakin mendekat dengan Allah. Sama seperti Natal menjadi tidak bermakna sekiranya kita tidak bersyukur atas kehadiran Kristus dalam hidup kita, begitu juga, musim Prapaska akan menjadi tidak bermakna sekiranya musim ini tidak membantu kita untuk mengenal-Nya dan mencintai-Nya dengan lebih baik.

Perjalanan untuk bertumbuh dalam pengetahuan dan kasih kepada Allah serta memilih untuk berpaling kepada-Nya dalam segala hal yang kita lakukan disebut pertaubatan. Yesus, Firman Allah, datang ke bumi sebagai manusia untuk menunjukkan kepada kita jalan menuju Bapa, dan sepanjang pelayanannya, Dia memanggil, "Ikutilah Aku!"

## **DOA PEMBUKAAN**

Bapa Syurgawi, kami bersyukur kepada-Mu atas masa Prapaska yang istimewa ini di mana kami mengenangkan kasih-Mu kepada kami dan panggilan-Mu untuk kembali kepada-Mu, di mana pun kami berada. Buka hati dan fikiran kami kepada-Mu dan bantu kami dalam amalan berpuasa, berdoa, dan bersedekah, agar kami menjadi semakin kudus dan menyenangkan di mata-Mu. Semoga segala yang kami lakukan dalam masa ini membawa kami untuk lebih mengenal dan mencintai-Mu. Amen.

## **HOSEA**

Hosea Kembalilah kepadaku,  
Dengan segenap hatimu,  
Jangan biarkan ketakutan  
memisahkan kita.

Pohon-pohon membongkok,  
Meskipun tegak dan tinggi  
Demikian juga kita harus patuh  
pada panggilan orang lain.

**Lama sudah Aku menantimu  
Kembali,  
Pulang padaku dan hidup,  
Bahagia dengan kehidupan  
baru kita.**

## **3 AMALAN PRAPASKA**

Apakah kaitan pertaubatan dengan berpuasa, berdoa, dan bersedekah? Bukan sudah cukup dengan kita menghindari dosa? Mengapa tiga amalan ini, terutama amalan bersedekah, begitu penting semasa Prapaska? Mari kita mendengarkan kisah yang berikut dipetik dari Injil **Lukas 18:18-23**.

*Seorang pemimpin bangsa Yahudi bertanya kepada Yesus, "Ya Guru yang baik, apakah yang harus aku buat untuk mewarisi hidup yang kekal?"*

*Yesus menjawab, "Mengapa kamu mengatakan Aku baik? Tiada siapa yang baik kecuali Allah. Engkau mengetahui perintah-perintah Allah: 'Jangan berzina, jangan membunuh, jangan mencuri, jangan memberi kesaksian palsu, hormatilah ibu bapamu.'"*

*Orang itu berkata, "Semua ini telah kutaati dari usia muda lagi."*

*Apabila Yesus mendengar ini, Dia berkata kepadanya, "Masih ada satu kekuranganmu. Jual segala hartamu dan berdermalah kepada orang miskin. Engkau akan mendapat harta di syurga. Kemudian, datanglah dan ikut Aku." Tetapi apabila pemimpin itu mendengar demikian, dia menjadi sangat sedih kerana dia seorang yang amat kaya.*

- 1) Apakah yang diinginkan oleh orang Yahudi itu daripada Yesus? Adakah dia berpuashati hanya dengan mengikuti segala perintah?**
- 2) Pada pendapat kamu mengapakah Yesus meminta dia menjual semua harta miliknya dan mendermanya kepada orang miskin?**
- 3) Mengapa orang itu menjadi sedih?**

Sama seperti yang dilakukan-Nya dengan orang kaya, Yesus menyeru kita untuk melepaskan harta benda dunia kita dan mengikuti-Nya dengan sepenuh hati.

Mendermakan wang untuk tujuan amal atau berkongsi harta benda kita dengan golongan miskin adalah tanda kesediaan kita untuk melepaskan harta benda dunia dan kehendak peribadi kita kerana kita percaya kepada Yesus dan ingin mengikuti-Nya ke dalam kehidupan kekal.

Berdoa dan berpuasa juga membantu kita untuk menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah dengan menolak makanan dan menghabiskan lebih banyak masa bersekutu dengan-Nya. Ketiga-tiga amalan ini dikenali sebagai tunggak Prapaska kerana membantu kita berpaling dari duniawi dan bertumbuh dengan lebih mendalam dalam hubungan dengan Allah.

## BERSEDEKAH SEBAGAI TANDA KEINSAFAN


Kadang kala, kita mungkin tergerak hati untuk menyerahkan harta benda milik kita apabila kita menerima cinta kasih dan rahmat Allah yang melimpah ruah, lebih-lebih lagi ketika kita telah berbuat dosa terhadap-Nya. Marilah kita mendengar kisah yang berikut dipetik dari Injil **Lukas 19: 1-10**.

*Yesus meneruskan perjalanan ke Yerikho dan melalui kota itu. Di situ ada seorang yang bernama Zakheus. Dia ketua pemungut cukai dan sangat kaya. Dia cuba hendak melihat siapa Yesus itu, tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana orang terlalu ramai dan dia pendek orangnya. Dia pun berlari mendahului mereka lalu memanjat pokok ara untuk melihat Yesus yang akan melalui jalan itu. Apabila Yesus sampai ke tempat itu, Dia mendongak ke atas lalu berkata kepadanya, "Zakheus, turunlah dengan segera kerana pada hari ini Aku harus menumpang di rumahmu."*

*Zakheus turun dengan segera dan menyambut Yesus dengan sukacitanya. Semua orang yang melihat hal ini bersungut-sungut, "Dia hendak menumpang di rumah orang yang berdosa pula!"*

### WHAT LACK I YET?

And Jesus said unto him,  
If thou wilt be perfect, go  
and sell that thou hast,  
and give to the poor,  
and thou shalt have  
treasure in heaven:  
and come and  
follow me.



*Tetapi Zakheus berdiri dan berkata kepada Tuhan, "Tuhan, sekarang ini juga aku hendak memberikan separuh hartaku kepada orang miskin, dan jika aku telah menipu sesiapa, aku akan membayarnya kembali empat kali ganda."*

*Yesus berkata kepadanya, "Pada hari ini juga penyelamatan telah datang kepada seisi rumah ini kerana kamu juga seorang keturunan Abraham. Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan orang yang hilang."*

**1) Pada pendapat anda mengapakah Zakheus sangat teringin untuk melihat Yesus?**

**2) Mengapakah Zakheus berjanji untuk memberikan harta benda miliknya?**

Ada kalanya, sama seperti Zakheus, kita merasa sangat gembira dan bersyukur kepada Allah atas belas kasih-Nya kepada kita, terutama ketika kita tidak pantas menerimanya, sehingga kita dengan senang hati memberikan apa yang kita miliki untuk menghormati-Nya melalui kalangan mereka yang miskin. Dalam Matius 25:40, Yesus bersabda, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apabila kamu melakukannya kepada yang paling kecil antara saudara-Ku ini, ertinya kamu melakukannya kepada-Ku." Ketika kita memberi sedekah atau membantu orang miskin, kita tidak hanya membantu saudara-saudara manusia kita, tetapi juga menghormati Allah yang adalah Bapa bagi orang miskin.

Akhirnya, pada penghujung musim Prapaska, semasa Perjamuan Terakhir, kita mengenangkan bagaimana Yesus membasuh kaki para murid-Nya dan



memberikan kepada mereka perintah yang baru: "Kasihilah satu sama lain sebagaimana Aku telah mengasihimu." Apabila kita mencintai dan melayani orang miskin melalui sukarela atau sedekah, kita sedang menjalankan perintah yang diberikan Kristus kepada kita, iaitu untuk mencintai sesama seperti Dia telah mencintai kita.

## **APA YANG BOLEH KITA LAKUKAN UNTUK MELAYANI ORANG MISKIN DI MUSIM PRAPASKA INI**

Setiap tahun, Keuskupan Agung Kuala Lumpur mengadakan kempen semasa musim Prapaska untuk memanggil kita, anggota-anggota Tubuh Kristus, untuk menyumbang kepada usaha menyampaikan mesej Injil tentang kasih dan persaudaraan kepada golongan miskin dan terpinggir di dalam masyarakat kita.

Kempen ini, yang dianjurkan oleh Pejabat Pembangunan Manusia Keuskupan Agung (AOHD), yang merupakan badan amal rasmi dan kesejahteraan sosial Gereja Katolik, bertujuan untuk mengumpul dana bagi pelaksanaan projek kemanusiaan bagi golongan yang memerlukan.

Walaupun kita mungkin tidak dapat menyumbang banyak dari segi bantuan material, kita boleh terlibat dengan menjadi lebih peka terhadap realiti sosial yang sukar di sekeliling kita, kemudian menyumbangkan apa yang kita boleh dari segi wang, masa, atau barang untuk melayani golongan miskin.

Pada musim Prapaska ini, anda dijemput untuk mengumpul dana mengikut kreativiti anda dan menyumbang kepada salah satu daripada 8 badan pelayan di bawah AOHD sebagai satu kelas dengan memberi kepada Dana Wang Bank/kotak persembahan Prapaska. Pada hujung tempoh penghantaran, kelas anda boleh memilih untuk menyertai salah satu badan pelayan AOHD yang anda minati dalam usaha mereka untuk membantu golongan miskin dan terpinggir, selain menyumbangkan sumbangan tunai.



Janganlah kita berpaling dari pandangan kita terhadap mereka yang menderita, tetapi kerana kasih Allah yang lebih dahulu mengasihi kita, berikanlah masa dan usaha kita untuk membawa rahmat-Nya dan kehadiran cinta kasih-Nya kepada semua yang memerlukan.

## DOA PENUTUP

### Doa Santo Fransiskus

Jadikanlah aku pembawa damai.

Bila terjadi kebencian, jadikanlah aku pembawa cinta kasih.

Bila terjadi penghinaan, jadikanlah aku pembawa pengampunan, ya Tuhan,

Dan bila terjadi kesesatan, jadikanlah aku pembawa kebenaran.

Jadikanlah aku pembawa kerukunan.

Bila ada keputus-asaan, jadikanlah aku pembawa harapan.

Bila terjadi kegelapan, jadikanlah aku pembawa terang.

Bila terjadi kesedihan, jadikanlah aku pembawa sukacita.

**Ya Tuhan Allah, ajarlah aku untuk lebih suka menghibur dari dihibur.  
Mengerti daripada dimengerti, mengasihi daripada dikasihi  
dengan segenap jiwaku.**

**Sila kunjungi laman web AOHD di [www.aohd.org](http://www.aohd.org) untuk  
maklumat lanjut mengenai Pejabat dan pelbagai usaha  
kemanusiaan yang dilaksanakan bagi pihak Gereja Katolik,  
serta mengenai Kempen Prapaska.**